

**MH17: Takziah buat keluarga & kenalan**



**Anugerah khas buat MPPP & MPSP** MS 21

PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com

16 – 31 OGOS 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# *Bersemadilah MH17 dengan tenang*

Oleh : **YAP LEE YING & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Suasana pilu jelas menyelubungi perkarangan foyer tingkat bawah bangunan Komtar apabila rata-rata individu dari pelbagai lapisan masyarakat berkumpul dengan berpakaian hitam serta suram hadir menyaksikan layar besar siaran langsung Hari Berkabung Malaysia Bagi Memperingati Mangsa MH17 di sini pada 22 Ogos lalu.

Majlis khas peringkat negeri Pulau Pinang tersebut diadakan bersempena 'kepulangan' kumpulan pertama 20 jenazah rakyat Malaysia ke tanahair selepas penantian selama 37 hari sejak pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) terbabit ditembak jatuh di Timur Ukraine pada 17 Julai lalu.

Kemuncak upacara tersebut adalah pada detik 10.55 pagi iaitu apabila Negara mengumumkan untuk bersama-sama bertafakur selama satu minit bagi memperingati mangsa-mangsa yang terkorban dalam tragedi zalim berkenaan.

Majlis kemudian disusuli dengan bacaan doa oleh Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor kepada mangsa beragama Islam dan bertafakur kepada jenazah bukan Islam.

Ada yang menitiskan air mata. Ada juga yang hanya membisu. Yang pasti, tragedi tersebut meninggalkan kesan amat mendalam kepada kita yang bergelar rakyat Malaysia.

Mengetuai upacara majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil ditemani isterinya, Betty Chew Gek Cheng.

Turut mengiringi, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, barisan Exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-ahli Parlimen dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Turut serta, Timbalan Ketua Polis Negeri, Datuk A. Thaiveegan, Ketua-ketua jabatan, para penjawat awam serta masyarakat umum.

**Mangsa-mangsa yang merupakan rakyat Pulau Pinang :**



MENDIANG Kapten Eugene Choo Jin Leong.



ALLAHYARHAM Azrina Yaakob.



MENDIANG Elaine Teoh.



MENDIANG Sanjid Singh Sandhu.



ALLAHYARHAM Nur Shazana Mohd. Salleh.

Guan Eng mewakili Kerajaan Negeri menzahirkan ucapan takziah buat semua keluarga mangsa nahas pesawat MAS MH17.

Katanya, majlis ringkas tersebut adalah sebagai tanda simpati dan solidariti terutama kepada keluarga mangsa-mangsa kezaliman akibat kemelut perebutan kuasa di kawasan Ukraine. Kerajaan Negeri menzahirkan perasaan amat berdukacita, sedih dan pilu dengan tragedi berkenaan.

"Sesungguhnya hari ini merupakan hari yang amat menyedihkan bukan sahaja kepada seluruh anggota keluarga, rakan taulan dan kenalan mangsa-mangsa tragedi pesawat MH17, tetapi turut dirasai oleh semua rakyat di seluruh dunia.

"Ratapan kesedihan ini turut disusuli kecaman keras sekali lagi terhadap pihak tidak berperikemanusiaan dan tidak berhati perut yang bertindak menembak pesawat komersial MH17 sehingga menyebabkan kesemua 298 penumpang dan anak-anak kapal termasuk tiga orang bayi yang tidak berdosa menjadi mangsa kerakusan nafsu kezaliman akibat kemelut perebutan kuasa," tegasnya pada Hari Berkabung Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi Memperingati Mangsa MH17 di sini baru-baru ini.



SUASANA di perkarangan foyer tingkat bawah Komtar di sini pada 22 Ogos lalu.



TIGA mangsa yang bakal dikebumikan di Pulau Pinang. (Dari kiri), mendiang Loh Yan Hwa, mendiang Fan Shun Po dan mendiang Tan Siew Poh. (Gambar ihsan, *www.nytimes.com*)

Kumpulan 20 jenazah pertama rakyat Malaysia dibawa menggunakan pesawat khas MAS, Boeing 747-4H6F (9M-MPS), MH6129 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Schiphol, Amsterdam pada 21 Ogos lalu (kira-kira jam 3.40 petang waktu tempatan dan 9.40 malam waktu Malaysia). Perjalanan terus tanpa henti itu mengambil masa kira-kira 12 jam.

Setibanya di Dataran Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sekitar 9.55 pagi pada 22 Ogos 2014, 20 jenazah terdiri daripada 11 beragama Islam dan sembilan bukan Islam diusung pegawai istiadat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan diberi penghormatan mengikut agama masing-masing serta bertafakur.

Penerbangan MH17, pesawat Boeing 777-200 yang membawa 298 penumpang dan anak kapal termasuk 43 rakyat Malaysia terhempas dipercayai ditembak di wilayah Donetsk, Timur Ukraine berhampiran sempadan Rusia pada 17 Julai lalu.

*Selamat pulang dan bersemadilah dengan tenang di bumi Malaysia.*

# Kibarlah Jalur Gemilang di mana-mana sahaja - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM** – Kibarkan Jalur Gemilang dengan semangat kepelbagaian kaum sempena ulangtahun ke-57 Hari Kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos ini serentak dengan keraian Hari Malaysia pada 16 September depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, kemajmukan kaum dan agama di Pulau Pinang mesti terus dijadikan kekuatan bersama bukan hanya pada sambutan bulan Merdeka ini sahaja.

"Biarlah perbezaan kaum dan agama menjadi tonggak kekuatan dan bukan merupakan kelemahan serta kekurangan kepada masyarakat berbilang bangsa di Pulau Pinang.

"Saya berharap semangat patriotisme tidak berhenti setakat ini sahaja, kibarlah Jalur Gemilang di mana-mana sahaja," ujarnya pada Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.



KANAK-kanak bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri di sini baru-baru ini.



PELBAGAI lapisan masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kemederkaan Negara Ke-57.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang turut berucap pada majlis keraian tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Exco-Exco Kerajaan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) dan kepemimpinan negeri lain.

Istiadat kibarkan Jalur Gemilang, koir lagu-lagu patriotik dan deklamasi sajak merupakan antara acara pentas menarik pada keraian kali ini.

Tidak cukup dengan itu, Pertandingan Mewarna Kemerdekaan, melukis, Kuiz Kemerdekaan, permainan dam gergasi turut dianjurkan demi menyemarak semangat patriotisme dalam kalangan warga di negeri ini.

# PBAPP taja juara *mountain bike*, Adam Faroze Ahmed

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAGAN DALAM** – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) bersetuju menaja juara lumba *downhill mountain bike* (DHMTB), Adam Faroze Ahmed, 26, dalam usaha membangunkan sukan berbasikal bukit di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi PBAPP berkata, persetujuan PBAPP untuk memberi penajaan berjumlah RM15,000 adalah bagi menampung perbelanjaan Adam Faroze menyertai enam lagi perlumbaan musim ini.

"Penajaan ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian Adam (Adam Faroze) dalam sukan berbasikal bukit selama 11 tahun sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menyokong impiannya mengharumkan nama Pulau Pinang dalam sukan berbasikal bukit," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa.

Tambah beliau, penajaan tersebut juga selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri dan PBAPP untuk menggalakkan kecemerlangan dalam apa jua sukan dan merangsang atlet-atlet negeri untuk terus cemerlang.

Selain menggunakan logo PBAPP, Guan Eng memberitahu bahawa Adam Faroze juga akan menggunakan perkataan 'Pulau Pinang' pada jersi serta memuat naik video perlumbaannya di laman sesawang pasukannya *www.FakawiBikes.com*, *Facebook* (*www.facebook.com/adam.faroze*) dan di *vimeo.com* (*vimeo.com/downhill/videos*).



AKSI Adam Faroze Ahmed ketika menyertai salah satu penyertaan di Indonesia pada tahun 2008. (Gambar ihsan: *www.facebook.com/adam.faroze*).

Dalam pada itu, Adam Faroze ketika ditemui sejurus selepas majlis penyerahan cek penajaan di sini berkata, beliau sangat berbesar hati dengan penajaan PBAPP dan akan menjadikan ia semangat untuk terus berjuang dalam perlumbaan yang bakal disertai nanti.

"Saya berjanji akan melakukan yang terbaik demi sukan yang saya minati dan juga demi nama baik Pulau Pinang di mata dunia," jawabnya ringkas.

Adam Faroze merupakan anak jati Pulau Pinang dan pelumba basikal bukit semi profesional yang telah menjuarai beberapa siri perlumbaan, antaranya, cabaran MTB Kenyir di Terengganu, *Western Australia State Downhill Race Siri 3* di Perth dan *Kiara Downhill Domination* di Kuala Lumpur.

Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang kejuruteraan aeroangkasa dari University of Bristol, United Kingdom, Adam Faroze mempunyai kebolehan untuk bertutur dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin.



ADAM Faroze Ahmed.

## Pembayaran Program Warga Emas Fasa - 3

| Tarikh *Cut-off* Sistem | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| 22 Ogos 2014 | **8 September - 26 September 2014** | Pejabat Daerah |

## Pembayaran Program Ibu Tunggal Fasa - 2

| Tarikh *Cut-off* Sistem | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| 22 Ogos 2014 | **8 September - 26 September 2014** | Pejabat Daerah |

## Skim Pelajar Emas Fasa - 2

| Tarikh *Cut-off* Sistem | Tarikh Bayaran | Bayaran Melalui |
|---|---|---|
| 19 Sept. 2014 | **7 Oktober - 17 Oktober 2014** | Pejabat Daerah |

**Pembayaran Program Ibu Emas Tahun 2014**

**Tarikh *cut-off* sistem adalah pada 12 September 2014 (Jumaat).**

**Bayaran akan melalui Pejabat Daerah. Tarikh pembayaran akan diumumkan kelak.**

# Dialog & partisipasi sumbang perubahan positif PPR Jln. Sungai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SUNGAI PINANG -** Penduduk di Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai dekat sini membuktikan bahawa proses dialog dan partisipasi sebagai rakan kongsi dalam Kontrak Komuniti Program Pembersihan di bawah Projek Perintis Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) menyumbang kepada perubahan positif yang lebih lestari.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kejayaan Projek Perintis GRPB melibatkan Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menjadi perintis dan model pembangunan masyarakat yang wajar diikuti komuniti lain di Pulau Pinang.

"Dahulunya, flat ini amat kotor dan tidak terurus, tetapi kita lihat pada hari ini, hasil kepercayaan dan tanggungjawab diberikan kepada penduduk yang bertindak sebagai rakan kongsi untuk menjaga serta menguruskan kebersihan di flat ini menghasilkan transformasi yang positif.

"Tahniah dan syabas untuk penduduk Flat PPR Jalan Sungai khususnya Jawatankuasa Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai atas semangat dan kerjasama yang ditonjolkan. Ternyata flat ini sungguh berbeza jika dibandingkan setahun yang lalu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan dan Projek Mengecat Semula PPR Jalan Sungai serta Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Dataran PPR Jalan Sungai di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PWDC, Chong Eng, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Turut serta, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PWDC dan Pengarah Projek Perintis GRPB, Aloyah Bakar dan Pengerusi Pertubuhan Komuniti PPR Jalan Sungai, Shahrudin Mohd. Sharif.

Selain itu, dalam ucapan perasmiannya, Guan Eng turut memuji pendekatan dijalankan



**GOLONGAN kanak-kanak ceria bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan dan Projek Mengecat Semula PPR Jalan Sungai serta Jamuan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.**

MPPP selaku penyedia perkhidmatan dan kagum dengan kerja gigih PWDC sepanjang pelaksanaan projek tersebut bermula 2012 sehingga ke hari ini.

"Sepanjang proses pelaksanaan, saya percaya, ia telah melatih dan memperkasakan komuniti di sini terutama dalam hal berkaitan kerajaan tempatan dan pembangunan negeri.

"Kerajaan tempatan juga lebih responsif terhadap keperluan berbeza dalam kalangan komuniti lantas mampu bertindak dengan lebih efektif mengikut ketetapan bajet yang relevan dengan keperluan rakyat," tambah Guan Eng yang sempat meluangkan masa melawat kawasan sekitar flat berkenaan.



**WARNA cat ceria yang dipilih sendiri para penghuni dalam kerja-kerja mengecat semula Flat PPR Jalan Sungai.**

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2,315,025 bagi melaksanakan Projek Perintis GRPB terbabit dari 2012 sehingga 2014. Peruntukan tersebut mencakupi kos pembersihan berjumlah RM278,462, kos penyelenggaraan lif bulanan (RM113,400), pembaikan lif (RM108,752), kerja-kerja pembaikan bangunan (RM741,011), kerja-kerja mengecat semula (RM700,000), kos kelengkapan sistem pencegahan kebakaran (RM123,400) dan RM250,000 bagi projek dan program bersama penduduk melalui Projek Perintis GRPB.

Dengan slogan 'Kelompok Berlainan, Keperluan Berbeza", Projek Perintis GRPB terbabit turut mengambil kira keperluan penduduk dan hal itu termasuk mengecat semula dua blok bangunan 22 tingkat di sini.

Dalam pada itu, Patahiyah ketika berucap memberitahu, Kontrak Komuniti Program Pembersihan dilaksanakan di Flat PPR Jalan Sungai adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia melibatkan kerajaan tempatan dan komuniti setempat.

"Model kontrak komuniti sebegini belum pernah dilaksanakan dan Pulau Pinang mengorak langkah melaksanakannya dan ianya berjaya. Malah melalui kontrak komuniti ini juga, ia telah membuka peluang pekerjaan kepada tujuh penghuni di sini untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan.

"Kini, kerja-kerja pembersihan tidak lagi melalui kontraktor yang dilantik sebaliknya diuruskan oleh penghuni di sini,"ujar beliau.

Manakala, Siew Khim ketika ditemui berharap dengan transformasi fizikal bangunan dan pentadbiran, Flat PPR Jalan Sungai dapat menjadi teladan buat komuniti lain dalam mengurus tadbir kediaman masing-masing.

"Hubungan dua hala yang dijalinkan antara penduduk dan kerajaan tempatan telah membolehkan penduduk di sini menikmati keselesaan dan keharmonian persekitaran," katanya.

Flat PPR Jalan Sungai yang terletak di Sungai Pinang mempunyai kepadatan penduduk tinggi mencecah sehingga 2,000 penghuni.

# Sentiasa jaga kesihatan sepanjang di Tanah Suci - TYT

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



DR. Wan Salim Wan Mohd. Noor (dua dari kanan) sedang menghayati intipati kursus yang diadakan.



DR. Abdul Rahman Abbas (bersongkok hitam) beramah mesra dengan bakal-bakal haji pada Majlis Perasmian Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Pulau Pinang 1435H/2014 di sini baru-baru ini.

**KEPALA BATAS -** Lebih 2,000 jemaah menyertai Kursus Haji Perdana Peringkat Negeri Pulau Pinang 1435H/2014 anjuran Tabung Haji (TH) di sini baru-baru ini sebagai persiapan menjalankan rukun Islam ke-lima itu kelak.

Program dua hari itu disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas ditemani isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Kursus tersebut merupakan jemputan kepada jemaah haji yang terpilih untuk memberikan gambaran ketika berada di tanah suci kelak.

Abdul Rahman ketika menyampaikan ucapan perasmiannya berkata, usaha dijalankan TH merupakan pendekatan yang dapat memberi manfaat kepada para jemaah yang bakal berlepas ke tanah suci nanti.

"Ilmu yang diperoleh para jemaah haji pada malam ini adalah amat penting terutamanya kepada mereka (jemaah) yang pertama kali menjejakkan kaki ke tanah suci.

"Dengan adanya ilmu ini, jemaah haji dapat memberikan tumpuan penuh kepada ibadah haji dan umrah yang dijalankan," katanya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Sohibus Samahah Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

Serentak itu, Abdul Rahman turut mengingatkan para jemaah haji supaya menjaga kesihatan masing-masing sepanjang berada di tanah suci berikutan terdapat kes penyakit berjangkit berbahaya kebelakangan ini.

"Kehadiran jutaan jemaah haji dari seluruh pelosok dunia nanti pasti akan mengundang pelbagai dugaan kepada jemaah haji tempatan.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan jemaah haji supaya tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirasakan tidak perlu seperti membeli-belah bagi mengurangkan risiko kesihatan," ujar beliau.

## Program Jelajah Amal imarahkan masjid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



MOHD. Tuah Ismail (kiri sekali) dan Rosidi Hussain (empat dari kanan) meraikan salah seorang penerima pada Program Jelajah Amal MAINPP di sini baru-baru ini.

**BALIK PULAU –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) buat julung kalinya menganjurkan Program Jelajah Amal MAINPP ke masjid-masjid yang mana program tersebut merangkumi siri jelajah bagi memeriah dan mengimarahkan masjid berkaitan dengan pelbagai aktiviti.

Ahli Majlis MAINPP, Mohd. Tuah Ismail berkata, jelajah tersebut bakal mendekati dan membantu jawatankuasa masjid yang dilihat kurang mengadakan aktiviti.

"Contohnya, hari ini kita (MAINPP) turun beramai-ramai ke Masjid An-Nur Titi Teras bagi mengadakan aktiviti berbuka puasa, memberi sumbangan kepada fakir miskin dan asnaf serta tazkirah.

"Kita (MAINPP) juga akan bergerak lebih aktif selepas ini untuk memantau masjid seluruh Pulau Pinang.

"Jika kita (MAINPP) dapati jawatankuasa agak lesu, kita (MAINPP) akan adakan pertemuan untuk berbincang dengan pihak berkaitan terlebih dahulu.

"Ini kerana, apabila masjid meriah, maka masyarakat setempat pun akan turut membangun bersama," ujarnya pada ucaptama Program Jelajah Amal MAINPP di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis MAINPP merangkap Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain.

Pada majlis tersebut, seramai 145 asnaf dari kawasan Titi Teras menerima sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) berupa barangan keperluan serta token Hari Raya Aidilfitri.

Sebelum itu, seramai 60 anak yatim turut dibawa ke pasaraya untuk mendapatkan pakaian baru bagi sambutan perayaan tersebut.

## Tiada isu ciplak proposal di Pulau Pinang - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyangkal dakwaan wujudnya perbuatan menciplak proposal bagi tujuan pembidaan projek kerajaan di Pulau Pinang.

Jelas beliau, perbuatan tidak sihat itu tidak pernah berlaku di negeri ini sejak pengenalan sistem tender terbuka pada 2008.

"Ia (perbuatan ciplak proposal) mungkin pernah berlaku dalam beberapa kementerian melibatkan bidaan projek kerajaan, namun tidak pernah berlaku di Pulau Pinang kerana adanya sistem tender terbuka.

"Tiada kes curi idea orang lain dalam sesuatu projek itu kerana sistem tender terbuka yang diamalkan Kerajaan Negeri adalah telus tanpa melibatkan kroni.

"Itulah yang membezakan kita (Kerajaan Negeri) dengan Kerajaan Pusat," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, sejak pelaksanaan sistem tender terbuka, pihaknya (Kerajaan Negeri) tidak menerima sebarang aduan melibatkan penciplakan proposal.

"Oleh itu, bagi saya, sistem tender terbuka ini adalah satu-satunya cara untuk mengekang kejadian menciplak proposal dan Kerajaan Persekutuan boleh melaksanakannya bagi menghentikan amalan ciplak proposal ini," ujarya yang turut mempelawa Kerajaan Persekutuan untuk cuba melaksanakan sistem tender terbuka.

Dalam perkembangan sama, mengulas kenyataan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Musa Sheikh Fadzir dalam akhbar perdana Bahasa Inggeris, *News Straits Times* (NST) pada 4 Ogos lalu (muka surat 10 bertajuk, *Call to probe into fake housing papers*), berhubung perbuatan menciplak proposal syarikat tertentu yang berleluasa di negeri ini, Guan Eng meminta supaya Musa tampil mengemukakan bukti.

"Jika Musa mempunyai maklumat mengenai perbuatan sedemikian, Musa hendaklah mengemukakannya untuk siasatan agar tindakan tegas dapat diambil.

"Tetapi sekiranya kenyataan NST itu salah, maka NST tidak mempunyai intergriti dalam melaporkan sesuatu (berita), sedangkan dua akhbar lain iaitu Utusan Malaysia dan *The Star* tidak pula merujuk kes tersebut berlaku di Pulau Pinang ," tegas beliau yang merujuk kepada keratan-keratan akhbar berkenaan.

# Rumah terbuka, sambutan hari jadi TYT secara serentak

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEDERHAHA...** Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diadakan secara serentak dengan sambutan hari kelahirannya di sini baru-baru ini.

Majlis yang dihadiri pucuk pimpinan Kerajaan Negeri dan rakyat berbilang bangsa dan keturunan tersebut diadakan dengan penuh kesederhanaan dan bermakna.

Menemani Abdul Rahman menyambut tetamu adalah isterinya, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir memeriahkan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri, Betty Chew Gek Cheng, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Law Choo Kiang dan isteri, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan isteri serta Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy dan isteri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan isteri,.

Turut serta, barisan Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) dan ketua-ketua jabatan.

Pada majlis itu, Abdul Rahman dan Majimor turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.

Dalam pada itu, turut diadakan adalah Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP).



**DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) dan isteri menyambut kedatangan tetamu pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan Sambutan Hari Kelahirannya di sini baru-baru ini.**



**FARIZAN Darus (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama para kakitangan PSUKPP sambil menjamu juadah sate yang disediakan.**



**TIMBALAN Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Datuk Muhammad Yusoff Wazir (empat dari kanan) *berselfie* bersama-sama barisan kakitangan Bahagian Sumber Manusia PSUKPP pada majlis rumah terbuka anjuran PSUKPP baru-baru ini.**



**ISTERI kepada Farizan Darus menghidangkan juadah sate kepada Majimor Shariff pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Setiausaha Kerajaan Negeri.**



**AKSI salah seorang kanak-kanak setelah diusik salah seorang pengunjung di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Timbalan Ketua Menteri I.**



**PEGAWAI Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (kiri) berjabat tangan mesra dengan Datuk Muhammad Yusoff Wazir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri PSUKPP.**



**PARA Pengawal Keselamatan Kerajaan Negeri menjamu selera di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran JKN.**



**MOHD. Rashid Hasnon bergambar kenangan bersama-sama isterinya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau.**



**ZAIRIL Khir Johari bersama-sama isteri di Majlis Rumah Terbuka Merdekaraya anjuran beliau.**



**AKSI salah seorang ahli jawatankuasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Setiausaha Kerajaan Negeri.**



**BARISAN ahli jawatankuasa penganjur Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri JKN.**

# KN pertimbang wujudkan laluan alternatif - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan mencari laluan alternatif bagi kegunaan pemaju projek perumahan lereng bukit Persiaran Lembah Permai, Tanjung Tokong, kata Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ekoran maklum balas daripada beberapa penduduk sekitar yang menyatakan bahawa mereka bimbang apabila kenderaan berat seperti lori pasir menggunakan laluan di kawasan perumahan masing-masing sebagai laluan ke tapak projek.

"Penduduk di sini tidak mahu pemaju menggunakan laluan tersebut kerana bimbang akan menimbulkan impak trafik (kesesakan) di kawasan ini dan dikhuatiri akan terjadinya tanah runtuh.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan meneliti Laporan Penilaian Impak Trafik projek dan mengkaji tindakan yang wajar serta bersesuaian bagi menyelesaikan masalah penduduk di sini," katanya sejurus selepas mengadakan lawatan ke kawasan terbabit di sini baru-baru ini.

Kata Jagdeep, pemaju perumahan terbabit memenuhi garis panduan pembangunan di lereng bukit dan memenuhi Penilaian Kesan Alam Sekitar *(Environment Impact Assessment*-EIA) yang ditetapkan.

"Saya sudah periksa dari segi EIA, tiada masalah dan ia juga memenuhi syarat Rancangan Struktur Negeri.

"Secara teknikal, projek ini mendapat kelulusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 28 Januari lalu dengan kebenaran merancang diluluskan sebab bangunan kondominium ini dibina pada kecerunan di bawah 76 meter," jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) mendengar maklum balas salah seorang penduduk Persiaran Lembah Permai di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Jagdeep berharap penduduk di kawasan tersebut dapat bersabar dan fokus terhadap isu laluan alternatif daripada mempertikaikan kewajaran projek berkenaan.

Difahamkan setiap unit kondominium dari dua blok bangunan itu bernilai sehingga RM2 juta. Ia turut dilengkapi dengan enam tingkat tempat letak kereta dengan 270 unit kediaman.

# KM terkilan, insiden tidak bermoral jadi tajuk utama

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berasa terkilan apabila isu berhubung kegiatan tidak bermoral yang diadakan di Teluk Kampi, Teluk Bahang menjadi tajuk utama dalam laporan media di negara ini.

Beliau mempersoalkan laporan-laporan tersebut berikutan insiden sama turut pernah berlaku di Terengganu, Johor dan Perak beberapa tahun lalu, namun perkara tersebut tidak pula dilaporkan secara meluas.

"Laporan sebegini seolah-olah sengaja dibesar-besarkan kerana ia melibatkan negeri Pulau Pinang dan anda tahulah kenapa, isu-isu sebegini sengaja dipolitikkan.

"Insiden sama turut berlaku di beberapa buah negeri lain, tetapi tidak pula dilaporkan di muka hadapan, apabila terjadi di Pulau Pinang, terus menjadi tajuk hangat sehingga berhari-hari," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri tidak pernah memberi kelulusan untuk menganjurkan acara sedemikian, apatah lagi aktiviti tidak bermoral.

"Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sepatutnya bertanggungjawab untuk menyiasat perkara tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya kerana Taman Negara di sini adalah di bawah bidang kuasa kementerian tersebut.

"Laporan polis juga telah dibuat dan saya percaya pihak polis sedang menjalankan siasatan dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelaku," ujar beliau.

Terdahulu, rakaman video bertajuk *'Penang Nude Sports Games'* yang memaparkan aksi 18 individu lelaki dan wanita berbogel ketika melakukan aktiviti di tepi pantai di Teluk Kampi, Teluk Bahang telah mengundang pelbagai reaksi.

Penganjuran aktiviti tersebut dipercayai dianjurkan komuniti yang mengamalkan budaya songsang dan tidak bermoral selain berselindung di sebalik aktiviti yang kononnya berbentuk penjagaan alam semulajadi.



Welcome 2 Ecofren Malaysia Community

- Home
- About Ecofren Malaysia

Pulau Bogel – Mersing, Johor, Malaysia (8 May 2009)

KUALA LUMPUR: [illegible]

Source: Harian Metro Newspaper

Comments are closed.

**KERATAN salah satu laporan insiden tidak bermoral yang berlaku di salah sebuah negeri sebelum ini.**

# Penduduk Kg. Ceti terima pampasan rumah di lokasi asal

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGA –** Semua 350 keluarga Kampung Ceti, Batu Feringghi yang mana lokasi tersebut bakal dibangunkan kelak bersetuju menerima tawaran pemaju dengan pemberian sebuah rumah kos sederhana rendah.



**JAGDEEP Singh Deo (enam dari kiri) dan Zairil Khir Johari (tujuh dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para penerima sumbangan pada Upacara Meredah Api di Kuil Arulmigu Sree Bathrakaliamman di sini baru-baru ini.**

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Perancangan Bandar, Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media Upacara Meredah Api di Kuil Arulmigu Sree Bathrakaliamman di sini baru-baru ini.

Katanya, Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri bertindak sebagai orang tengah bagi memastikan kata putus dan situasi menang-menang antara semua keluarga terlibat (yang perlu berpindah) bersama-sama pihak pemaju.

"Surat perjanjian pampasan turut dipersetujui dan telah ditandatangani penduduk-penduduk sebelum ini," ujarnya.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Pada upacara berkenaan, Jagdeep turut menyampaikan hamper berupa barangan keperluan kepada 100 penduduk kurang bernasib baik.

Tambah beliau, sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap kebajikan rakyat, pihaknya juga akan memastikan pampasan yang dijanjikan pemaju akan sampai ke tangan penduduk asal kampung terbabit.

"Unit-unit rumah pampasan kepada penduduk turut akan didirikan di atas tapak asal kini iaitu di Kampung Ceti.

"Pengosongan tapak Kampung Ceti akan dilakukan sebaik sahaja para penduduk menerima notis berpindah daripada pihak peguam pemaju," jelas beliau.

# TKPM Juru harap capai prestasi taraf lima bintang

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) diharap dapat membantu menambahkan pengeluaran hasil makanan produk tempatan dan lebih berkualiti di negeri ini.

Ianya disuarakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Novasi bagi Projek Di TKPM Juru di sini baru-baru ini.

Afif berkata, dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan negeri, Kerajaan Negeri pada 2006 telah meluluskan TKPM Juru dengan keluasan 284.62 ekar atau 115.18 hektar sebagai tapak projek kedua berkonsepkan TKPM di negeri ini selain TKPM Ara Kuda, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU).

"Program ini adalah kesinambungan daripada projek TKPM yang diwujudkan Kerajaan Persekutuan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan dan memastikan Imbangan Perdagangan Negara berada pada tahap yang baik.

"Oleh itu, TKPM Juru merangkumi tiga komponen utama pertanian iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur berbanding TKPM Ara Kuda yang lebih menfokuskan kepada sayur-sayuran dan buah-buahan sahaja.

"Ketiga-tiga komponen ini merangkumi tanaman nanas, ternakan ikan dan ternakan ayam.

"Dalam masa terdekat juga, sektor tanaman akan dikembangkan dengan penanaman cendawan selepas ini," ujarnya selepas Majlis MoU Novasi Projek TKPM Juru membabitkan lapan peserta baru bersama-sama Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin (empat dari kiri) beramah mesra dengan sebahagian daripada lapan peserta baru pada Majlis MoU Novasi Projek TKPM Juru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), S. Barathi dan Timbalan Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Hafidzah Hassan.

Dalam pada itu, Afif turut berkongsi harapan agar TKPM Juru dapat mencapai penarafan lima bintang sepertimana pencapaian TKPM Ara Kuda yang telah diiktiraf Jabatan Audit Negara baru-baru ini.

"Melalui penarafan lima bintang ini dan sijil Mygap (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia) yang kita (Kerajaan Negeri) wajibkan kepada setiap penternak atau petani miliki, maka produk tani keluaran pengusaha dapat dipasarkan menjangkaui sempadan antarabangsa selain pasaran tempatan," ujar beliau.

## RFP PIP RM27 bilion tutup 16 Disember

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memohon mana-mana pembida yang berminat menyertai Notis Permohonan Cadangan atau *Request for Proposal* (RFP) bagi tender pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) melibatkan nilai RM27 bilion supaya membuat bidaan sebelum 16 Disember ini.




**SALAH satu paparan pengimplementasian PIP pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tender tersebut telahpun dibuka sejak 15 Ogos lalu dan akan ditutup pada 16 Disember 2014.

"Pembida dibenarkan melaksanakan usahasama dengan mana-mana syarikat tempatan atau asing dan membentuk konsortium dengan dana pemegang saham syarikat utama mestilah tidak kurang daripada RM500 juta.

"Pembida juga perlu mempunyai rekod prestasi yang baik dan sekurang-kurangnya terlibat dalam dua projek berskala besar seperti pembinaan lebuh raya atau projek pengangkutan awam dengan nilai kontrak sekurang-kurang RM500 juta sama ada sedang dilaksanakan atau telah siap bagi tempoh antara lima ke 10 tahun kebelakangan," katanya dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai, Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye, Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. A. Rajendran dan Koordinator Pelaksana PIP, Ir. Lim Thean Heng.

Jelasnya, PIP adalah sebahagian daripada sistem pengangkutan awam bersepadu dan holistik dilengkapi dengan sistem jaringan jalan raya untuk kemudahan hampir 1.6 juta penduduk di negeri ini.

"Projek bernilai RM27 bilion itu turut memberi tumpuan kepada pelaksanaan sistem pengangkutan awam menyeluruh termasuk jaringan trem dan sistem transit aliran ringan (LRT) bagi menangani masalah kesesakan lalulintas di Pulau Pinang.

"Ini adalah keutamaan Kerajaan Negeri dalam menambahbaik akses pergerakan rakyat selaras dengan peningkatan populasi pengguna jalan raya yang dijangka mencapai 2.54 juta menjelang 2030," jelas beliau.

PIP merangkumi tempoh pelaksanaan secara berfasa bermula dari tahun 2013 hingga 2030 dengan melibatkan pelaksanaan Pelan Tindakan Lebuhraya bernilai RM16.4 bilion, Pelan Tindakan Sistem Pengangkutan Awam (RM9.7 bilion), Pelan Tindakan Kebolehcapaian, Pelan Tindakan Institusi dan Kajian Pengangkutan Air (keseluruhan RM900 juta).

Selain itu, PIP turut memberi tumpuan kepada penyediaan kemudahan mesra OKU (orang kurang upaya) dan cadangan pembinaan hubungan ketiga atau terowong bawah laut yang akan bertindak sebagai pintasan bagi mereka yang menghala ke arah utara Pulau Pinang.

Maklumat lanjut, sila layari portal rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di *www.penang.gov.my* atau hubungi **Bahagian Kerajaan Tempatan** di talian **04 - 650 5410, 04 - 261 3454** (Ir. Lim Thean Heng) atau 04 - 650 5681 (Engr. Mustaqin Alpi).

## Mendapan flat peroleh perhatian segera




**KEADAAN Blok 4, Flat Taman Bagan di sini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAGAN DALAM –** Keretakan simen dan keadaan lantai tidak sama di Blok 4, Flat Taman Bagan ekoran kejadian mendapan yang berlaku tahun lalu kini selesai ekoran suntikan khas berjumlah RM60,000 daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kejadian mendapan yang berlaku telah memperoleh perhatian dan maklum balas yang cepat daripada Kerajaan Negeri untuk membaiki keadaan flat berkenaan.

"Sejak perubahan Kerajaan Negeri pada tahun 2008, kita (Kerajaan Negeri) berbelanja penuh cermat dengan tidak membazirkan wang rakyat.

"Ini kerana, kita (Kerajaan Negeri) percaya pemimpin yang tidak makan wang, maka wang itu akan kembali kepada rakyat seperti projek ini," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Flat Taman Bagan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, Jalan Siram yang menjadi nadi penghubung utama Taman Bagan turut akan dilebarkan kepada empat lorong bagi melancarkan aliran trafik sedia ada.

"Bila jalan dinaiktaraf, maka ianya akan memudahkan pergerakkan penduduk lalu membawa 'tuah' kepada orang-orang di sini," ujarnya.

# RFP Sandiland Foreshore, pemaju dipelawa



KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama barisan Ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang baru dilantik pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mempelawa pemaju berkelayakan supaya membida *Request For Proposal* (RFP) Projek Perumahan Mampu Milik Sandilands Foreshore bermula 22 Julai hingga 3 September ini.

Projek pembangunan bercampur tersebut bakal menyediakan 482 unit rumah pangsa kos sederhana, 321 rumah pangsa kos sederhana rendah dan kemudahan komersial yang akan dibangunkan di atas sebidang tanah di Jalan C.Y. Choy berkeluasan 4.23 ekar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, PDC telah dilantik bagi membangun atau menguruskan pembangunan tanah tersebut.

"Projek ini adalah dimiliki Perbadanan Ketua Menteri (CMI), tetapi mereka bukanlah pemaju. Jadi, PDC telah dilantik dan bertindak bagi pihak CMI menguruskan pembangunan projek ini.

"Jesteru itu, PDC kini dalam proses menunggu RFP daripada pemaju-pemaju bagi menjalankan rekabentuk, membina dan menyiapkan keseluruhan pembangunan di atas tanah tersebut mengikut syarat-syarat tender," katanya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Dalam pada itu, menurut Guan Eng, projek pembangunan tersebut adalah inisiatif Kerajaan Negeri hasil maklum balas penduduk setempat.

"Pembangunan semula kawasan tersebut bakal melenyapkan masalah yang membelenggu penduduk setempat seperti banjir.

"Penduduk asal pasti akan menerima gantian rumah. Malah, ini adalah peluang buat rakyat Pulau Pinang untuk turut memiliki rumah mampu milik," ujar beliau.

Pada sidang media sama, Guan Eng selaku Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang turut mengumum dan memperkenalkan 10 Ahli Lembaga Muzium yang baru.

## Jenayah perkara utama diberi perhatian - KM

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri tidak menolak kemungkinan untuk mempertimbangkan secara serius cadangan Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abd. Rahim Hanafi berhubung pelaksanaan sistem jalan sehala di sini (George Town) sebagai usaha memerangi kegiatan jenayah.

Kenyataan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagi mengulas pandangan Abd. Rahim berhubung inisiatif tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sedia mengkaji cadangan tersebut sekiranya ia mampu mengurangkan kadar jenayah terutamanya di Daerah Timur Laut (DTL).

"Masalah jenayah adalah perkara utama yang diberikan perhatian Kerajaan Negeri.

"Meskipun angka menunjukkan indeks jenayah menurun kepada 7.8 peratus bermula Januari hingga Jun 2013/2014, tetapi, jenayah curi ragut di kawasan tersebut (DTL) membimbangkan kerana ia adalah kawasan pelancongan.

"Malah, berdasarkan rekod, terdapat peningkatan 109.7 peratus iaitu daripada 31 kes curi ragut kepada 65 kes (curi ragut) dicatatkan di Daerah Timur Laut (DTL)," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, Patahiyah dan Boon Poh akan membincangkan perkara tersebut secara terperinci dengan Abd. Rahim.

"Jika beliau (Abd. Rahim) rasa cara ini dapat kurangkan jenayah, kita minta Patahiyah mengkaji perkara tersebut," ujar beliau.

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**
**Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)**
**NOTIS PERMOHONAN CADANGAN (RFP)**
**(KOD : LGD / RFP-PDP / 1 / 2014)**

Tawaran ini dibuka kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Notis Permohonan Cadangan (RFP) seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **PROJEK JALAN DAN PENGANGKUTAN AWAM DI PULAU PINANG (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang 2013 - 2030)** |
| TARIKH BUKA | : | **15 OGOS 2014 (JUMAAT)** |
| TARIKH TUTUP | : | **16 DISEMBER 2014 (SELASA)** |

Pembida yang berminat dikehendaki mengemukakan sejumlah wang yang tidak akan dikembalikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja **(RM 2,000.00)** melalui cek / kiriman wang pos kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan dokumen RFP Tender, termasuk enam (6) jilid Laporan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) .

Dokumen RFP dan Laporan PIP boleh didapati di Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang pada waktu pejabat dari **8:00 pagi- 5:00 petang** mulai dari **15 Ogos 2014**.

Pembida yang berminat diwajibkan untuk menghadiri taklimat RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **27 Ogos 2014 (Rabu)** |
| Masa | : | **9.30 pagi** |
| Tempat | : | **Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang** |

Dokumen yang lengkap hendaklah diletakkan di dalam sampul bertutup dan hendaklah ditanda dengan jelas di sudut atas sebelah kanan sebagai Projek Jalan dan Pengangkutan Awam di Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada jam **12 tengah hari, 16 Disember 2014** di Pejabat **Bahagian Kerajaan Tempatan, Tingkat 56, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

Dokumen yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. BKT mempunyai hak untuk membatalkan tender RFP pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh tutup tanpa sebarang notis.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ir. Lim Thean Heng di talian +604-6505410 / +604-2613454 (limtheanheng@gmail.com) atau Engr. Mustaqin bin Alpi di talian +604-6505681 (mus_wm@yahoo.com).

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Sistem Perkongsian Basikal menjelang 2015

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang bakal menjadi negeri pertama dalam negara yang membekalkan perkhidmatan Sistem Perkongsian Basikal automatik menjelang Mei 2015.

| 18 | ROSLINA BINTI IBRAHIM | A319XXXX/75121703XXXX | 446-A, JLN PERMATANG DAMAR LAUT,11900 BAYAN LEPAS PULAU PINANG | 16/12/2010 | 20/8/2013 |
| 19 | NOORFARIZAN BINTI AZIZ | A319XXXX/75121703XXXX | NO.1-2-1, TMN MUHIBBAH LENGKOK BATU MAUNG 1 BAYAN LEPAS, 11960 PULAU PINANG | 26/11/2012 | 26/11/2012 |
| 20 | NORAINI BINTI ABDUL HAMID | 84031006XXXX | NO.1, JLN MAHKAMAH, 11900 BAYAN LEPAS 11960, PULAU PINANG | 02/05/2012 | 27/8/2013 |
| 21 | JOHANARIFFIN BIN DIN | 590XXXX/60060571XXXX | 38-A, BLOK K MUKIM 12, 11960, BATU MAUNG, PULAU PINANG | 24/7/2013 | 24/7/2013 |

## TAWARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH / KOS SEDERHANA RENDAH

# SENARAI NAMA PEMOHON YANG BERJAYA

# PROJEK : STRAITS GARDEN ,DAERAH TIMUR LAUT

# TARIKH PEMILIHAN : 2 JULAI 2014

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TALIB BIN SIMMOHAME RAWTHER | 546XXXX/58101407XXXX | D-4-32, LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, 11700 PULAU PINANG | 01/06/79 | 28/4/2014 |
| 2 | KHATIJAH BEE BT IBRAHIM | 496XXXX/56051907XXXX | NO 6, LANGKAWI ROAD, 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 1985-06-01 | 2014-01-09 |
| 3 | RUSHAINI BT OSMAN | 598XXXX/60062402XXXX | 21 PESARA MAHSURI 4, SUNGAI NIBONG KECIL, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | 1986-06-01 | 2012-04-27 |
| 4 | JAMIL BIN SHARIFF | 505XXXX/56090802XXXX | 5, JLN IBBETSON, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG | 1986-06-01 | 2013-08-20 |
| 5 | ABD RAHMAN BIN LAZIM | 335XXXX/34061702XXXX | 592-B, TANJONG BUNGAH,11200 PULAU PINANG | 1986-06-01 | 2014-01-09 |
| 6 | NOOR AINEE BINTI MOHAMED | 579XXXX/60030207XXXX | 275 C, JLN DATO KRAMAT, KG MAKAM, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 1986-06-01 | 2014-01-09 |
|  | ZAKARIA BIN ALLAHAM | 591XXXX/60063007XXXX | 330-06-11, TAMAN GAMBIR, JLN BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR,PULAU PINANG | 1989-06-01 | 2014-01-09 |
| ! | SITI HAJAR BT HJ KECHIK | 707XXXX/63052307XXXX | 713D, MUKIM 13, JALAN SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 1989-06-01 | 2014-01-09 |
| " | SHAKILA JAN BT AYUB KHAN BIR | 625XXXX/61080207XXXX | NO 19, JLN DINDING, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 1990-06-01 | 2012-06-25 |
| 10 | ZAINOL BIN SUDIN | 574XXXX/59111707XXXX | 19-23A-01, HILIR SG PINANG, TMN SERINA HILIR SG PINANG 11600, PULAU PINANG | 1991-06-01 | 2013-11-15 |
| 11 | ABDUL RAHMAN BIN MD ZAKARIA | 542XXXX/58060307XXXX | B-5-25, FLAT KG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG | 1995-06-01 | 2013-10-10 |
| 12 | ZALINA ANITA BINTI ZAINAL ABIDIN | A025XXXX/65103007XXXX | E6-9, FLAT PDG TEMBAK, 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG | 1997-06-01 | 2013-08-20 |
| 13 | MAZNI BINTI ZAKARIAH | A205XXXX/71121107XXXX | BLOCK 50-G-10 TAMAN KOPERASI, SRI JELUDA JLN KURAU, 11600 PULAU PINANG | 1997-07-28 | 2013-05-29 |
| 14 | CHE MAZIAH BINTI HAMID | A272XXXX/73122207XXXX | 1-6-23 LINTANG MINDEN 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 1999-07-26 | 2013-12-02 |
| 15 | MAZNAH BT SINDAR MADAR | A255XXXX/73111907XXXX | H-1-3 TMN NUSANTARA, JLN MAKLOOM, 10150, PULAU PINANG | 1999-11-03 | 2014-03-24 |
| 16 | ISMAIL KHAN BIN IBRAHIM KHAN | A2170XXXX/72041807XXXX | 10E-4-5, PANGSAPURI HARMONI, JLN KENNEDY, 11600 | 03/01/2000 | 19/05/2014 |
| 17 | ZAINUN BT ABDUL SAMAD | A370XXXX/77040507XXXX | B-1-2, FLAT UDA, FASA 1, TANJONG TOKONG, 10470 PULAU PINANG | 2000-05-24 | 2012-05-17 |
| 18 | RAFIZAH BT ABDULLAH | 80021407XXXX | 10-2-29 FLAT PINANG EMAS, JALAN SUNGAI SATU, 11100 BATU FERINGGI PULAU PINANG | 2002-07-30 | 2014-01-13 |
| 19 | ABDUL MUNIR B MOHD RAZAK | 82092507XXXX | 1-3-12, DESA PINANG 2, LEBUH SG PINANG 7, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 2004-02-17 | 2013-10-28 |
| 20 | ADENAN BIN IBRAHIM | 7122578/63041807XXXX | 3-9-16, FLAT MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG | 2004-08-13 | 2014-01-09 |
| 21 | SIKANDER BAWA BIN SULTAN ALAUDIN | A3104177/75071171XXX | GERAI NO 1&2, MARKET CROSS 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 2004-08-20 | 2014-01-09 |
| 22 | AREDAH BINTI HASSAN | 589XXXX/6020608XXXX | BLOK 3-7-2, GREENLANE HEIGHTS, JLN GANGSA, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1995 | 12/06/14 |
| 23 | RAMLAN BEE BINTI ABDUL MAJID | A004XXXX/65020107XXXX | 21-8-10, T,M SRI DAMAI, LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 01/06/1997 | 21/01/2013 |
| 24 | MOHAMAD ARIS BIN MOHD SHARIFF | A288XXXX/74071407XXXX | 18-01-02, TAMAN UTARA, TINGKAT BATU UBAN 1, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 05/11/1999 | 19/4/2012 |
| 25 | AMINAH BEE BT SYED | 166XXXX/41061807XXXX | BLOK 26-5-10, MEDAN SAMAK, OFF JALAN SAMAK, 10150 PULAU PINANG | 12/06/2002 | 21/5/2014 |
| 26 | ISKANDAR SHAH BIN HAJAMYDIN | A355XXXX/76092902XXXX | 12-03, TAMAN MANGGIS, JLN LORONG SELAMAT, 10400 PULAU PINANG | 14/11/2003 | 17/4/2012 |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 27 | MOHAMED FAROS BIN GULAM MOHAMED | 85080607XXXX | NO.4, JLN BAGAN JERMAL, 10250 PULAU PINANG | 16/10/2008 | 18/4/2012 |
| 28 | NUR HAFIZAH BT YAHAYA | 82052307XXXX | 250-B, JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 2008-06-17 | 2013-05-28 |
| 29 | MOHD IZAM BIN MOHAMED IZOHAN | 80041107XXXX | A-G-09, BLOK A, JLN HELANG DESA PERMAI INDAH, 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG | 2008-06-17 | 2013-06-12 |
| 30 | ABU ZAR RAHMAN BIN SAHUL HAMID | 89032807XXXX | BLOK A-7-22, FLAT KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG | 2008-06-18 | 2013-12-04 |
| 31 | ZALEHA BT BAHAUDIN | 496XXXX/56050607XXXX | BLOK P-G-16, PANGSAPURI, TANJUNG TOKONG FASA 4A,10470 PULAU PINANG | 2008-06-23 | 2012-05-03 |
| 32 | MOHD ARIFF BIN AHMAD KABIR | 80121907XXXX | C2-20, LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, 11700 SUNGAI DUA GELUGOR | 2008-06-30 | 2013-10-28 |
| 33 | AZLI BIN OTHMAN | 82102307XXXX | 1796-2, QRTS JKR. BATU UBAN, 11700 GELUGOR | 2008-07-02 | 2012-06-28 |
| 34 | MOHD YUSREI B. YAHAYA | 81030907XXXX | 354-20-3, JALAN MACALLUM, 10300 PULAU PINANG | 11/12/2008 | 18/01/2011 |
| 35 | MASLYANA BINTI ABD MANAF | 82010407XXXX | 21-3-11, TMN SRI DAMAI, LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG | 19/10/2009 | 03/03/14 |
| 36 | SATIKURRAHMAN BIN MOHD SHARIFUDIN | 83062507XXXX | NO.6-11-10, SURIA MUTIARA APARTMENT, JLN GRIK OFF JLN PERAK 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 30/08/2010 | 17/3/2014 |
| 37 | AZMIZAL KHAN BIN ABDUL AZIZ | 90101307XXXX | NO.11, LINTANG PEKAKA 4, TMN PEKAKA, SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 09/06/2010 | 09/06/10 |
| 38 | NURSHAFINAS BINTI KADIR MYDIN | 90102507XXXX | 88-A, MUKIM 13, JALAN KG PISANG 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG | 20/07/2011 | 20/7/2011 |
| 39 | NORHASDI BIN ZAINON | 78070207XXXX | 28-6-11,TAMAN SRI PINANG, JALAN SUNGAI 10150, SUNGAI PINANG, PULAU PINANG | 24/02/2012 | 26/3/2013 |
| 40 | SITI RAHMAH BINTI RIDUAN | 80110914XXXX | BLOK 33-02-20, TMN PEKAKA, SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 13/04/2012 | 04/11/13 |
| 41 | SHARIFA BINTI KADARSAH | A030XXXX/65121007XXXX | BLK A, RMH GURU SK JELUTONG 11600 JALAN JELUTONG, PULAU PINANG | 12/03/2013 | 12/03/2013 |
| 42 | MOHAMMAD SHUKRI BIN ABDUL RASHID | 81111207XXXX | 702-G, JLN KEBUN BUNGA, MUKIM 18, GEORGETOWN, 10350 PULAU PINANG | 27/03/2013 | 27/03/2013 |
| 43 | FARIDAH HANIM BT MOHD ASRI | 85011007XXXX | D-3-2, QRTS KESIHATAN, JLN LIM KHOON HUAT, 10460 PULAU PINANG | 07/05/2013 | 07/05/2013 |
| 44 | NOOR MARJAN BINTI HARBIBULLAH | 78051907XXXX | 62, LORONG BUNGA RAYA, 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG | 11/03/2014 | 11/03/2014 |
| 45 | MD ALI BIN MD MYDIN | 324XXXX/48100307XXXX | BLPK 98-19-19, SINAR BUKIT DUMBAR, JLANA FARADAY, 11700 GELUGOR PULAU PINANG | 05/05/2014 | 05/02/2014 |
| 46 | NIJAMUDEEN BINK A MOHAMED HANIFFA | A080XXXX/67093004XXXX | BLOK 9-5-7, LINTANG MACALUM 2 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 29/05/2014 | 29/05/2014 |
| 47 | SARUVANI @ SARAVANAN A/L SUBBIAH | 426XXXX/51110102XXXX | 88-1-27, PUNCAK ERSKINE, JLN FETTES 10470, PULAU PINANG | 01/06/1979 | 09/01/2014 |
| 48 | MOHAN A/L KARUPPIAH | 448XXXX/53071707XXXX | BLOK K- I, JKR QRTS, BATU UBAN, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 01/06/1979 | 09/01/2014 |
| 49 | VALLI A/P KARUPPIAH SUPPIAH | A112XXXX/68110807XXXX | 1-7-F, TMN SRI IDAMAN, JLN AIR PUTIH, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG | 01/06/1986 | 03/05/2013 |
| 50 | GNANASEGARAN A/L MARIMUTHU | 554XXXX/58122107XXXX | 293T, WEST JELUTONG, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1994 | 08/04/1998 |
| 51 | BAKIYARAJ A/L KUMARASAMY | 830XXXX/62122005XXXX | 18-18-7 LRG BKT KUKUS, PAYA TERUBONG 11500, PULAU PINANG | 01/06/1995 | 13/03/2013 |
| 52 | SELVARATHINAM A/L SUBRAMANIAM | A053XXXX/66080807XXXX | 646B, JLN AIR ITAM, MUKIM 16,11500 PULAU PINANG | 01/06/1995 | 23/09/2013 |
| 53 | RABIA SULTAN BIBI BT MOHAMED MEERAH | 612XXXX/60070407XXXX | E-G-5 TMN NUSANTARA,JLN MAKLOOM, SG PINANG, 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 01/06/1995 | 09/01/14 |
| 54 | RASHIDA BANU BINTI SULAIMAN | A143XXXX/69101507XXXX | H-G-7, TAMAN NUSANTARA, JALAN MAKLOOM 10150. PULAU PINANG | 29/07/1996 | 25/04/2014 |
| 55 | VASUNTHARADEVI A/P ALLAHU | A288XXXX/74062207XXXX | NO 1-20-12A, DESA IXORA, SOLOK ANGSANA, BANDAR BARU, AIR ITAM, 11500, PULAU PINANG | 10/08/1999 | 23/09/2013 |
| 56 | GOPAL A/L THANIMALAI | A200XXXX/70111602XXXX | 55G-6-2, QRTS PESONA, JLN UTAMAN, 10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 21/2/2000 | 13/12/2013 |
| 57 | RAJENDRA A/L AMMASI | A112XXXX68110607XXXX | BLOK G-03-21, LORONG HELANG 3, SUNGAI DUA, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | 19/02/2004 | 15/03/2012 |
| 58 | RATHANA DEVI A/P NAGAMUTHU | 691XXXX/61123107XXXX | BLOK 56-2-5, TAMAN SRI PERAK, JLN SLIM 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 02/06/2008 | 17/04/2012 |
| 59 | ABDUL GHANI BIN ABDULLAH | 778XXXX/47072910XXXX | NO.43, MARKET LANE, 10200 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 26/7/2010 | 21//10/2011 |
| 60 | PERAMA LATAHA PILLAY | A294XXXX/74121607XXXX | NO.24, CANGKAT MINDEN HEIGHTS JALAN 7, SUNGAI GELUGOR 11700 PULAU PINANG | 15/08/2011 | 18/01/2012 |
| 61 | DEIVANAI A/P KARPAYA | 553XXXX/59050507XXXX | BLOK 22-11-26, EASTERN COURT LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG | 15/02/2012 | 15/02/2012 |
| 62 | VIKNESWERI A/P AATHIMULAM | 78092307XXXX | 2-07-35, TMN SINAR PELANGI LORONG PENAWAR 2, 1600 JELUTONG, PULAU PINANG | 09/03/2012 | 06/02/2014 |
| 63 | GUNASUNDARI A/L PURASAMY | 89021607XXXX | BLOK 300-08-06, TAMAN JADE VIEW, 11700 BUKIT GAMBIR, PULAU PINANG | 05/12/2012 | 09/10/2013 |
| 64 | SHARMILADAVI A/P PASUBATHY | A378XXXX/77121607XXXX | 11-18-10, LENGKOK ANGSANA , SRI IMPIAN, BANDAR BARU, AYER ITAM 11500 | 07/02/2013 | 26/5/2013 |
| 65 | MARIE A/P THIAGARAJAN | 435XXXX/52101907XXXX | NO.22, JLN YEOH CHEANG AUN, 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 08/10/2013 | 08/10/2013 |
| 66 | ANTHONY XAVIER A/L SANTANASAMY | A151XXXX/70021707XXXX | BLOK 10-11-8, HALAMAN DAMAI, LINTANG KG RAWA 1 10150 GEOEGETOWN, PULAU PINANG | 31/3/2014 | 31/3/2014 |
| 67 | SARASWATHY A/P KOLAN DAVEL | 712XXXX/62092107XXXX | BLOK D-3-2, KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN, JLN MOUNT ERSKINE 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 02/06/2014 | 02/06/2014 |
| 68 | NIETYAAH A/P GUNASEKARAN | 81051407XXXX | 11, RIVER ROAD, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 23/6/2014 | 23/6/2014 |
| 69 | SITI JAHARAH BINTI MD IBRAHIM | A004XXXX/7002208XXXX | BLOK A-28-18, MUTIARA HEIGHTS JLN HAJJAH REHMAH, 11600 PULAU PINANG | 01/04/2014 | 01/04/2014 |
| 70 | SHU CHOO SIM | 463XXXX/53122805096 | H-1-23, RIFLE RANGE FLATA, 11400 PULAU PINANG | 01/06/1977 | 19/05/2014 |
| 71 | KANG YIN HEOK | 280XXXX/32113007XXXX | 287-C, JLN MADRASAH , JELUTONG TIMUR, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1977 | 21/4/2014 |
| 72 | LEE PHAIK LIN | 094XXXX/46012007XXXX | BLOK 20-8-12, TINGKAT PAYA TERUBONG 2, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG | 01/06/1979 | 14/12/2011 |
| 73 | ANG MOOI SENG | 345XXXX/31123007XXXX | 8-F-3-2, TANJONG COURT, 11500 PULAU PINANG | 01/06/1979 | 03/09/2012 |
| 74 | TAN KEAT KIN | 542XXXX/58092007XXXX | 4, JLN NANKING, 10300 PULAU PINANG | 01/06/1982 | 27/05/2013 |
| 75 | CH'NG SOCK KIANG | 7440XXXX/64102407XXXX | 252, WEST JELUTONG, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1991 | 20/02/2013 |
| 76 | KHOO KEAN GUAN | A125XXXX/69061107XXXX | B3-4-1, LORONG PENAWAR SATU, TAMAN JELUTONG JAYA, 11600 JELUTONG PULAU PINANG | 01/06/1991 | 29/03/2012 |
| 77 | KOAY PHAIK LEAN | 701XXXX/63033007XXXX | 567, JALAN JELUTONG 11600 JELUTONG, PULAU PINANG | 01/06/1994 | 18/06/2014 |
| 78 | LIM SHIU ENG | 167XXXX/35100507XXXX | 32-29-08, LRG KAKI BUKIT, TAMAN BUAH PALA, 11700 PULAU PINANG | 01/02/1994 | 29/06/2012 |
| 79 | TEOH OON TAT | A053XXXX/66091607XXXX | 9B-23-A, TAMAN KHENG TIAN, JLN VAN PRAAGH, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1994 | 15/12/2010 |
| 80 | LIM PHAIK KWEE | A281XXXX/74040707XXXX | 3-12-09, TAMAN LEMBAH HIJAU, LORONG GANGSA, GREEN LANE 11600 PULAU PINANG | 01/06/1995 | 05/02/2013 |
| 81 | TEH KOK SIOH | 747XXXX/64120107XXXX | 38-A, BUKIT DUMBAR, 11600 PULAU PINANG | 01/06/1995 | 19/06/2012 |
| 82 | LIM SWEE WAH | A286XXXX/74060907XXXX | 108, LEBUH ARMENIAN, 10200 GEORGETOWN, PULAU PINANG | 01/06/1997 | 04/04/2013 |
| 83 | LEE SAW GEOK | 695XXXX/63010607XXXX | 21-G-4, SOLOK SUNGAI PINANG 6, 11600 PULAU PINANG | 16/02/2001 | 13/08/2012 |

**SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANG DITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT**

**NOTIS BANTAHAN**

***** Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh paparan dimuatnaik.**
**Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke Bahagian Perumahan, Tingkat 20 KOMTAR**

**Nama Pembantah** : ______________________

**No.K/P** : ______________________

**Alamat / E-Mel** : ______________________

______________________

**No.Tel** : ______________________

**Nama yang diBantah** : ______________________

**Sebab bantahan** : ______________________

*** Semua maklumat di atas wajib diisi. Bantahan tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak**
*!% &-# O

# Harap Seberang Perai dikenali dunia seperti MPSP - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**SETIAUSAHA Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud (depan, kanan sekali) mengetuai bacaan ikrar meningkatkan mutu pelanggan pada keraian Hari Majlis MPSP di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru menerima anugerah *Best Cities Award* oleh *Europe Business Assembly - Stresa,* Itali pada 5 Julai lalu, manakala Yang di-Pertuanya, Maimunah Mohd. Sharif pula diiktiraf sebagai *Best Cities Manager Award* dalam majlis yang sama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa berucap pada Hari Majlis MPSP berkata, pihaknya berharap dua pengiktirafan tersebut serta beberapa pencapaian lain pada peringkat dunia sekaligus dapat mempromosi industri pelancongan negeri.

"Ini membuktikan bahawa usaha-usaha MPSP diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Anugerah-anugerah ini secara tidak langsung mempromosi Seberang Perai dalam bidang pelancongan, dan menjana ekonomi Seberang Perai secara khususnya," jelasnya di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) serta pemimpin utama Kerajaan Negeri yang lain turut berucap pada majlis keraian tersebut.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut memuji pasukan Maimunah kerana menghasilkan edisi kedua *Seberang Perai Heritage Map & Seberang Perai Tourist Map*.

Malah, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Pejabat Daerah, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), *Penang Global Tourism* (PGT), ATAP, PTGA atas penerbitan edisi kedua peta pelancongan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut mengingatkan MPSP supaya terus memberi keutamaan pada meningkatkan aspek kebersihan Seberang Perai, sebagaimana hasrat 97 peratus responden dalam Kajian Soal Selidik Bajet MPSP baru-baru ini.



**DUA kanak-kanak memerhatikan replika robot yang dihasilkan daripada bahan kitar semula pada Hari Majlis MPSP.**

## Bancian sebelum larang buruh asing jadi tukang masak

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri mempertimbang syor menguatkuasa larangan mengupah buruh asing sebagai tukang masak utama premis perniagaan makanan demi memelihara mutu serta keaslian makanan warisan di negeri ini.



**(Dari kiri), REZAL Huzairi Md. Zaki, Sr. Rozali Mohamud, Maimunah Mohd. Sharif, Tan Cheong Eng dan dua Ahli Majlis MPSP lain saling berkongsi pendapat mengenai pengiktirafan dan pencapaian MPSP pada peringkat kebangsaan serta antarabangsa di sini baru-baru ini.**

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pihaknya bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan melaksanakan kaji selidik dan bancian berwajib, sebagaimana disyor oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

"Isu pengendalian premis makanan membabitkan warga asing ini memberi impak negatif kepada majlis (MPSP dan MPPP) khususnya dan Kerajaan Negeri.

"Isu ini juga boleh menimbulkan persepsi negatif rakyat, terutama tanggapan rakyat kononnya penyalahgunaan kuasa di peringkat majlis kerana kita (pihak berkuasa tempatan, PBT) hanya diberikan lesen kepada orang tempatan sahaja (warganegara)," jelasnya kepada wartawan selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta tiga Ahli Majlis lain, Tan Cheong Eng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut menyertai sidang media di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini.

Tambah Maimunah, MPSP dan MPPP akan menggunakan kaedah serta borang kaji selidik secara seragam selepas satu mesyuarat penyelarasan dilakukan pada 14 Julai lepas.

Terdahulu, Guan Eng dalam satu kenyataan media meminta MPSP dan MPPP menjalankan bancian dan kaji selidik berhubung perkara berbangkit tersebut.

Syor Guan Eng itu sebagai reaksi pada satu laporan penguatkuasaan MPPP yang menyebut lebih 119 buruh asing diambil bekerja sebagai tukang masak utama di 68 pusat penjaja makanan di negeri ini.

## Balu kakitangan MPSP terima ex-gratia

**SEBERANG JAYA –** Waris Allahyarham Mohamad Fauzi Hassan yang meninggal dunia semasa dalam tugas rasmi pada 20 November 2011 baru-baru ini mendapat pampasan sebanyak RM25,631.62 di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan) menyampaikan cek ex-gratia kepada Hayati Ramli (empat dari kiri) di sini baru-baru ini.**

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, penjumlahan ex-gratia yang diserahkan kepada balu Allahyarham, Hayati Ramli itu berdasarkan tempoh mangsa meninggal dunia sehingga 30 April lepas.

Tambah Maimunah, Hayati layak menerima ex-gratia RM557.28 tiap-tiap bulan selagi mana berstatus balu dan tidak berkahwin, manakala, empat anak Allahyarham masing-masing turut menerima pampasan bulanan sebanyak RM98.88 sehingga umur mereka mencecah 21 tahun.

"Ini merupakan kes pertama yang kita buat," ujarnya kepada wartawan dalam majlis penyampaian ex-gratia kepada keluarga Allahyarham di sini baru-baru ini.

Setiausaha Majlis, Sr. Rozali Mohamud dan Rezal Huzairi Md. Zaki (Ahli Majlis) turut menyertai majlis tersebut di Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini.

Pada 28 November 2011, Mohamad Fauzi semasa menjalankan tugas rasmi terlibat dalam satu kemalangan dan meninggal di tempat kejadian.

Ekoran itu, waris Allahyarham pada bulan November 2012 membuat tuntutan pampasan berwajib daripada MPSP.

Mengulas mengenai hal itu, Maimunah menjelaskan bahawa waris layak menerima pampasan berwajib memandangkan Skim Ex-Gracia Bencana Kerja Majlis mula dikuatkuasa pada 1 Julai 2011, sungguhpun pembayaran mula dibuat pada 1 Jun 2012.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu majlis turut dilaporkan bertemu dan menyampaikan sumbangan peribadi kepada waris Allahyarham selepas diberitahu insiden tersebut dulu.

# RM2.7 juta lebihan dana MPSP hasil belanja hemat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) sambil ditemani Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) dan barisan Ahli Majlis MPSP sedang memberikan ucapan pada Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.

**SEBERANG PERAI –** Langkah mengurangkan kos perbelanjaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun lepas berjaya menyelamatkan lebihan RM2,742,544 dana pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Yang di-Pertuanya, Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pendapatan dan kos perbelanjaan MPSP bagi tahun 2013 masing-masing berjumlah RM199,811,772 dan RM197,069,228.

Justeru, Maimunah berkata, pihaknya akan memastikan mutu pelanggan terus dipelihara pada masa hadapan, sungguhpun MPSP giat mendepani cabaran kewangan seperti tahun lepas.

"Cabaran kewangan yang perlu dihadapi MPSP adalah mengurangkan kos perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan.

"Dalam mengurangkan kos (perbelanjaan), MPSP akan sentiasa memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan tidak terjejas," ujarnya pada Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.

Setiausahanya, Sr. Rozali Mohamud dan semua Ahli Majlis bagi MPSP turut hadir pada perhimpunan berkala bersama kakitangan PBT tersebut.

Maimunah menjelaskan, cabaran kewangan MPSP boleh didepani dengan syarat semua kontrak yang ditawarkan mempunyai *value add dan outcome*, semua jabatan berwajib menggandakan usaha mengutip hasil serta amalan berbelanja secara hemat.

Pada pertemuan tersebut, Maimunah turut mengumumkan Projek-projek Tembatan Banjir yang sedang dijalankan MPSP.

## OKU antara peserta Larian Keamanan Ke-25

**KEAMANAN...** Kira-kira 350 orang kurang upaya (OKU) menyertai program Larian Keamanan Ke-25 anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO), SCI Malaysia bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Taman Perbandaran, Jalan Kuari di sini baru-baru ini.



DR. Abdul Rahman Abbas (depan, dua dari kiri) ditemani Patahiyah Ismail (bertudung) melepaskan para peserta program Larian Keamanan Ke-25 di sini baru-baru ini.

Program tersebut menyaksikan lapan kategori kumpulan dipertandingkan meliputi laluan sekitar enam kilometer (KM) bermula seawal jam 7.30 pagi. Turut serta adalah 2,500 peserta-peserta daripada pelbagai latar belakang.

Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir merasmikan majlis berkenaan.

Turut serta, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Patahiyah Ismail, Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa, Mohamed Akbar Mustapha dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Turut diadakan, kem kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma, cabutan bertuah sepanjang temasya sukan tersebut berlangsung.



ANTARA persembahan yang dipersembahkan.


### IKLAN JAWATAN KOSONG
### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD48 | Tetap | 1 |
| 2. | Pegawai Veterinar | G41/44 | Tetap | 1 |
| 3. | Pembantu Kesihatan Awam | U17 | Tetap | 9 |
| 4. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Kontrak | 70 |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Tarikh tutup iklan adalah 2 minggu selepas iklan dikeluarkan.
Namun, pemohon boleh terus memohon jawatan selagi jawatan tersebut masih dipaparkan di laman e-jawatan MPSP.

**SYARAT LANTIKAN**
Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di *http://www.mpsp.gov.my"*

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (online) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di HYPERLINK "http://www.mpsp.gov.my" www.mpsp.gov.my.

**CATATAN AM**
Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.
Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke :*perjawatan@mpsp.gov.my"*

Nota : Iklan ini telah disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada 10 Ogos 2014

# Pondok telefon awam perlu tindakan – ADUN

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyatakan bahawa sebanyak 34 pondok telefon awam sekitar sini berada dalam keadaan 'sakit' dan perlu diambil tindakan drastik pihak berwajib.

Kata beliau, hasil tinjauan pihaknya mendapati pondok-pondok telefon sekitar sini mengalami pelbagai masalah 'kecacatan' seperti kehilangan ganggang, tiada 'ibu' telefon, rosak dan ada yang hanya ditinggalkan tiang serta tapak semata-mata.

"Oleh itu, saya sudah menulis surat kepada pihak-pihak berwajib seperti Telekom Malaysia (TM), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan pejabat Daerah Timur Laut (DTL) bagi memastikan pondok-pondok telefon ini dapat diuruskan dengan baik atau lupuskan sahaja sekiranya terlalu usang," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, audit yang dijalankan tersebut adalah mengambil tempoh masa hampir sebulan bagi tujuan merekodkan semua jumlah pondok telefon rosak di seluruh Air Itam termasuk kampung-kampung.

"Saya juga bercadang untuk mengemukakan kepada Jabatan Audit Negara supaya turut melakukan audit-audit segala kemudahan awam yang terdapat dalam negara kita seperti pili bomba, perhentian bas serta kemudahan lain bagi memudahkan orang awam serta tidak mencacatkan pemandangan," tambah beliau yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Dalam pada itu, Hon Wai turut tidak menolak kemungkinan bahawa kerosakan yang berlaku adalah ekoran tindakan vandalisme.

"Selain itu, kemajuan teknologi telefon bimbit yang rata-rata dimiliki semua orang juga dipercayai menjadi penyumbang kepada pengabaian telefon awam oleh masyarakat awam kini," jelasnya.



**SEBAHAGIAN pondok-pondok telefon awam yang dipercayai rosak.**



**WONG Hon Wai (kanan) menunjukkan salah satu pondok telefon awam usang yang terletak berhadapan persimpangan masuk Kampung Pisang di sini baru-baru ini.**

## Hasrat bapa ganti dapur apam balik baru tercapai

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI ACHEH –** Impian seorang bapa untuk meneruskan perniagaan sendiri bagi menyara dan memberi kehidupan lebih selesa kepada isteri serta lima anaknya tercapai apabila menerima bantuan dapur membuat kuih apam balik di sini baru-baru ini.

Jaafar Dahari, 48, dari Kampung Permatang Keling di sini berkata, beliau bersyukur kerana hasratnya untuk mengganti dapur (dapur membuat kuih apam balik) lama tercapai.

"Sebelum ini, memang niat nak tukar dapur baru, tetapi dengan pendapatan tidak seberapa, tak mampu juga nak tukar.

"Terima kasih atas keprihatinan Azmi (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri [PPK] Sungai Acheh, Azmi Samsudin) kerana memberi bantuan dapur ini. Juga kepada penghulu, Encik Rusli Ismail," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Isterinya, Zarina Man, 44, merupakan seorang suri rumah sepenuh masa, manakala anak ketiganya, Mohd. Shafiq Izzle, 14, merupakan seorang pelajar orang kurang upaya (OKU).

Anak-anaknya yang lain ialah Nabilah Anida Farziana, 22, seorang jururawat, Mohd. Shafiq Izzuddin, 20, Mohd. Shafiq Izzre, 14, dan Nabilah Aufa Najihah, 10.

Setiap hari, Jaafar akan memulakan perniagaannya berhampiran Pasaraya Yawata, Nibong Tebal, manakala sebelah petangnya pula berhampiran Taman Pekaka, di sini.

Azmi ketika ditemui berkata, bantuan tersebut adalah hasil peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS).



**AZMI Samsudin (tengah) menyampaikan bantuan dapur membuat kuih apam balik kepada Jaafar Dahari (kanan sekali) sambil diperhatikan Rusli Ismail (kiri) di Kampung Permatang Keling di sini baru-baru ini.**

## JKKK Sg. Jawi juara sepak takraw



**SOON Lip Chee (tengah) bersama-sama ahli-ahli pasukan JKKK Sungai Jawi menunjukkan piala dimenangi pada Kejohanan Sepak Takraw Piala Pusingan ADUN Jawi di sini baru-baru ini.**

**JAWI –** Pasukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Jawi muncul juara apabila berjaya menewaskan 51 pasukan lain dalam Kejohanan Sepak Takraw Piala Pusingan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan pasukan berkaitan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM300 serta piala pusingan.

Kejohanan anjuran JKKK Changkat dengan kerjasama Pejabat ADUN Jawi tersebut turut mendapat sambutan di luar jangkaan.

Lip Chee yang turut hadir menyaksikan perlawanan akhir antara Pasukan JKKK Sungai Jawi dan Pasukan Batu 10 berasa teruja dengan penganjuran yang julung kali diadakan di sini.

"Ternyata kejohanan sebegini dapat membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat dengan sambutan yang tidak dijangkakan.

"Saya harap supaya aktiviti kesukanan sebegini terus mendapat sambutan terutamanya dalam kalangan muda sebagai usaha mengekang kegiatan yang membuang masa dan tidak bermoral," katanya sejurus selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kejohanan Sepak Takraw Piala Pusingan ADUN Jawi di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi JKKK Changkat, Abdul Rahman Ramjan berharap agar kejohanan berkenaan mendapat sambutan lebih meriah tahun hadapan.

# Lebar jalan, tidak tebang pokok - ADUN

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Projek pelebaran Lorong Batu Lanchang susur ke Jalan Masjid Negeri (bersebelahan kediaman rasmi rumah Pegawai Daerah Timur Laut) di sini kini telah 73 peratus siap, maklum Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini.

Menurutnya, kelewatan projek yang sepatutnya siap pada Julai lalu adalah disebabkan beberapa perkara teknikal yang berlaku sepanjang proses berkenaan.

"Antaranya, proses pemindahan pokok-pokok di tepi jalan yang mana ia tidak ditebang sebaliknya, dipindahkan ke bahagian belakang kediaman Pegawai Daerah (Timur Laut) buat sementara waktu.

"Proses pemindahan 32 pokok ini agak sukar sehingga menyebabkan projek ini mengambil sedikit masa. Tambahan pula, pemindahan yang dilakukan adalah amat jarang dilakukan," katanya ketika mengadakan sesi lawatan ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu, beliau amat terkilan kerana selepas usaha memindahkan pokok-pokok tersebut dijalankan, hanya 17 yang hidup manakala bakinya terpaksa ditebang kerana mati.

"Bagaimanapun, sekurang-kurangnya kita cuba selamatkan baki pokok yang ada dalam menjamin kelestarian alam sekitar selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjaga kehijauan," ujarnya.

Ekoran kelewatan projek tersebut, Hon Wai memberitahu bahawa rakyat tidak perlu bimbang kerana kos projek adalah dimaklumkan tidak akan meningkat dan kerja-kerja dijangka siap sepenuhnya Oktober ini.

"Walaupun tidak siap sepenuhnya, jalan ini sudah dibuka dan ini sedikit sebanyak dilihat dapat menyuraikan kesesakan yang berlaku.

"Ini adalah berikutan kedudukan sekolah serta kepadatan penduduk di kawasan sekitarnya," jelas beliau.

Turut bakal dinaiktaraf adalah jalan berhadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Georgetown dan Sekolah Kebangsaan Batu Lanchang bagi memudahkan bas-bas sekolah dan kenderaan ibu bapa berhenti menaikturunkan penumpang masing-masing.



**WONG Hon Wai (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan tapak ke Lorong Batu Lanchang susur ke Jalan Masjid Negeri yang dalam proses dilebarkan di sini baru-baru ini.**



**PERSIMPANGAN susur ke Jalan Masjid Negeri yang kini telah 73 peratus siap.**

# ADUN gesa jaga kebersihan Taman Chai Leng

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI –** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy baru-baru ini mengadakan lawatan kerja di sekitar Taman Chai Leng ekoran kejadian banjir kilat di beberapa lokasi sekitar kawasan tersebut apabila berlakunya hujan lebat.

Menurut beliau, lawatan itu adalah bagi mengenalpasti punca masalah kepada banjir kilat itu selain pihaknya menerima banyak aduan daripada penduduk sekitar tentang kebersihan yang tidak terurus.

"Daripada tinjauan saya pada hari ini, didapati keadaan di sekitar Pasar Awam Taman Chai Leng dan kawasan komersial mempunyai tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

"Ini adalah berikutan penjaja, orang awam dan pengusaha restoran yang tidak menjaga kebersihan dan membuang sisa makan ke dalam longkang sekaligus menyebabkan ia tersumbat dan menghalang saliran air," ujarnya pada sesi lawatan berkenaan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees serta pegawai dari Jabatan Perbandaran, Kejuruteraan dan Perlesenan MPSP.

Tambah Ramasamy, keadaan longkang yang telah 30 tahun tidak dinaiktaraf turut menyumbang kepada masalah banjir kilat yang berlaku.

"Ada juga longkang yang pecah dan uzur kerana sudah lama tidak dinaiktaraf dan serpihan daripada kerosakan itu menyebabkan longkang tersumbat.

"Turut ditambah, sikap kebanyakan pengusaha restoran yang tidak mempunyai *grease trap*. Minyak yang dilepaskan ke dalam longkang menjadi beku dan menghalang saluran air," tegas beliau.

Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai menyatakan bahawa penduduk dan orang ramai di kawasan sekitar memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan.

"Tanggungjawab menjaga kebersihan ini bukanlah terletak di atas bahu MPSP sahaja, malah, penduduk dan peniaga di kawasan ini.

"MPSP sentiasa menjalankan kerja pembersihan di taman ini, tetapi, tanpa kesedaran orang ramai keadaan ini tidak akan berubah," serunya.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (empat dari kiri) meninjau keadaan longkang yang dipercayai tersumbat berhampiran Pasar Awam Taman Chai Leng pada sesi lawatan kerjanya di sini baru-baru ini.**


**MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

## IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:-

| BIL | NAMA JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47/48 | Tetap |
| 2. | Pegawai Perubatan | UD43/44 | Tetap |
| 3. | Pegawai Veterinar | G41 | Tetap |
| 4. | Penolong Pegawai Penguatkuasa | N27 | Tetap/Kontrak |
| 5. | Pembantu Penguatkuasa | N17 | Tetap/Kontrak |
| 6. | Pembantu Kesihatan Awam | U17 | Tetap/Kontrak |
| 7. | Pembantu Kemahiran | H17 | Tetap/Kontrak |
| 8. | Pembantu Veterinar | G17 | Tetap/Kontrak |
| 9. | Pembantu Operasi | N11 | Tetap/Kontrak |
| 10. | Penghantar Notis | N11 | Tetap/Kontrak |
| 11. | Pemandu Kenderaan | H11 | Tetap/Kontrak |
| 12. | Pembantu Awam | H11 | Tetap/Kontrak |

**CARA MEMOHON** : Semua permohonan jawatan perlu dibuat secara atas talian (*'on-line'*) menerusi portal rasmi http://www.mppp.gov.my. atau http://eperjawatan.mppp.gov.my mulai **16 OGOS 2014.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 OGOS 2014**

Sebarang kemusykilan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian berikut:- **04-2592115 / 2311 / 2245**

# Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

*Contoh:*




*Sumber Gambar : Internet*

*Contoh:*








Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

______________________

No. Telefon : (Rumah) ____________ (Bimbit) ____________

Emel: ______________________

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.
12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:
**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**
**Kedua: RM300**
**Ketiga: RM150**
**5 Hadiah Saguhati**